
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

BST 202/3 - Sains Tanah & Persekutaran

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. (a) Beri definisi keupayaan evapotranspirasi.
(5 markah)

- (b) Bincangkan signifikan keupayaan evapotranspirasi terhadap pengurusan air.
(15 markah)

2. (a) Terangkan konsep kualiti kesihatan tanah.
(10 markah)

- (b) Dengan memberi satu contoh yang sesuai, bagaimanakah penilaian kualiti tanah dilakukan.
(10 markah)

3. Berdasarkan kepada prinsip kelakuan fosforus (P) dalam tanah, bincangkan sekurang-kurangnya 7 pendekatan bagaimana mengatasi kekurangan dan / atau kelebihan P.
(20 markah)

4. (a) Lukiskan lakaran struktur asas unit tetrahedra dan oktahedra serta lembaran-lembaran yang membentuk mineral lempung 1:1 dan 2:1. Sertakan contoh bagi setiap satu.
(10 markah)

- (b) Jelaskan perbezaan kedua-duanya dan perkaitan terhadap kesuburan tanah serta contoh tanah terlibat.
(10 markah)

5. (a) Berikan perbezaan di antara proses pengikatan N_2 oleh mikroorganisma simbiosis dan asosiatif serta contoh mikroorganisma dan perumah yang terlibat bagi setiap satu.

(10 markah)

- (b) Jelaskan perkaitan keupayaan pengikatan N_2 percuma ini kepada konsep pertanian mampan ('sustainable agriculture').

(10 markah)

6. (a) Berikut adalah keperluan baja untuk tanaman ubi keledek 100 kg N, 40 kg P dan 200 kg K/ha/musim dan perlu dibahagikan kepada dua aplikasi bagi setiap musim. Kirakan jumlah baja amonium nitrat (33.5% N), MOP (60% K_2O) dan TSP (46% P_2O_5) yang perlu ditambah bagi setiap aplikasi untuk 1.5 ha kawasan penanaman.

(10 markah)

- (b) Jelaskan tiga kaedah servai tanah yang biasa digunakan di tiga wilayah di Malaysia serta perbezaan di antaranya. Terangkan kepentingan maklumat ini terutamanya untuk aktiviti pembangunan tanah.

(10 markah)